



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAKLUMAN PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL**

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengingatkan orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama Produk	Racun Berjadual Yang Dikesan
1.	AILISI Acne Purifying Cream	Clindamycin

2. Susulan daripada itu, notifikasi produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Perihal Bahan Racun Berjadual

3. Produk yang mengandungi **clindamycin** adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan.

4. Penggunaan antibiotik (clindamycin) **tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan** boleh menyebabkan kesan mudarat kepada kesihatan dan boleh meningkatkan risiko kerintangan yang seterusnya mengurangkan keberkesanannya untuk merawat jangkitan pada masa hadapan.

Peringatan Kepada Penjual Dan Pengedar Produk Kosmetik Ini

5. Penjual dan pengedar produk kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan pengedaran** produk kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

6. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Peringatan Kepada Orang Awam

7. Orang awam yang sedang menggunakan produk kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan sampingan.
8. Orang awam juga digalakkan untuk menyemak status notifikasi produk kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my atau melalui aplikasi 'NPRA Product Status' yang boleh dimuat turun daripada *Google Play Store*.

Sekian.

**NORHALIZA BINTI A HALIM
PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI**

LAMPIRAN

Nama Produk: 1. AILISI Acne Purifying Cream

